

**APLIKASI ACARA KETERANGAN DALAM PERBICARAAN KES DI MAHKAMAH  
SYARIAH DALAM JENAYAH MURTAD**

**APPLICATION OF EVIDENCE EVENTS IN THE TRIAL OF CASES IN SYARIAH COURTS IN  
THE CRIME OF APOSTASY**

Nik Soh Nik Ahmad (2211238)

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

[soh.ahmad@jbg.gov.my](mailto:soh.ahmad@jbg.gov.my)

**ABSTRAK**

Aplikasi acara keterangan atau undang-undang acara dan keterangan dalam perbicaraan di Mahkamah Syariah merupakan panduan dalam menentukan keputusan dalam urusan penghakiman jenayah murtad. Signifikan penulisan ini berdasarkan prinsip-prinsip pendakwaan dan pembuktian serta salurannya bagi mensabitkan sesuatu dakwaan. Proses mengemukakan dakwaan kepada hakim dan hakim akan mendengar segala dakwaan dan hujah yang dikemukakan kepadanya oleh kedua-dua pihak, kesemuanya akan berjalan berdasarkan kepada kaedah-kaedah atau prinsip-prinsip tertentu yang mesti dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat di dalam dakwaan termasuk hakim. Hasil daripada penulisan ini menggambarkan proses perbicaraan kes murtad di dalam mahkamah syariah berdasarkan kepada kaedah dakwaan hisbah, bidang kuasa mahkamah dan kedudukan saksi dalam mengemukakan keterangan dan kaedah pembuktian yang dilaksanakan dalam proses penghakiman. Implikasi penulisan ini dapat mengembangkan lagi konsep dakwaan, keterangan dan pembuktian dalam sistem kehakiman Islam.

**Kata Kunci:** murtad, keluar agama Islam. pembuktian kes-kes jenayah, undang-undang Keterangan Islam, tukar agama,

**ABSTRACT**

*The application of the event of evidence or the law of events and evidence in the trial in the Syariah Court is a guide in verifying the decision in the matter of criminal judgment of apostasy. The significance of this writing is based on the principles of prosecution and evidence as well as the channel for convicting an allegation. The process of submitting allegations to the judge and the judge will hear all allegations and arguments submitted to him by both parties, all will run based on certain rules or principles that must be followed by all parties involved in the allegations including the judge. The results of this writing describe the process of trial apostasy in the syariah court based on the method of hisbah claim, the jurisdiction of the court and the position of witnesses in presenting evidence and the method of proof implemented in the judgment process. The implications of this writing can further develop the concept of indictment, evidence and proof in the Islamic judicial system.*

## Pengenalan

Acara keterangan atau dikenali sebagai undang-undang acara dan keterangan merupakan bimbingan dalam pembuktian sesuatu jenayah, sama ada ia termasuk di dalam kategori jenayah hudud, qisas, diat atau takzir. Namun, pengamalan acara keterangan dalam penghakiman di mahkamah syariah adalah berbeza mengikut kategori jenayah tersebut. Menurut fiqh jenayah, individu yang melakukan sesuatu jenayah akan dibicarakan berdasarkan kepada tiga kaedah iaitu penyerahan diri, pelaporan daripada aduan dan penguatkuasaan.

Dalam konteks penyerahan diri bermaksud seseorang itu menganggap dirinya telah melakukan jenayah, kemudian mengaku dan tampil dalam pengadilan untuk dikenakan *'uqubah*. Situasi ini berlaku disebabkan seseorang itu sedar dan menginsafi atas kesalahannya terutama dalam kes hudud seperti jenayah murtad. Kesedaran di atas kesalahan tersebut tertakluk kepada hukuman yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Manakala, kaedah pelaporan diterima daripada aduan yang dikemukakan oleh orang awam kepada pihak berkuasa. Kaedah ini menjadi tanggungjawab individu itu sendiri yang berasaskan perinsip ajaran Islam iaitu : *الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر* (*Perintah kepada kebaikan dan pencegahan kemungkaran*). Maka, setiap laporan sesuatu jenayah yang diadakan di bahagian penguatkuasa setempat seperti polis, institusi hisbah atau mahkamah yang akan diteliti dan disiasat bagi memastikan kesahihan sesuatu kes itu wujud atau sebaliknya. Seterusnya, proses pendakwaan juga boleh berlaku apabila terdapat maklumat yang diperolehi dari bahagian penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri, kebiasaannya juga dikenali sebagai unit hisbah.

Maka, ketiga-tiga kaedah tersebut akan berlaku acara keterangan di dalam mahkamah bagi membuktikan sesuatu dakwaan. Oleh itu, keterangan memainkan peranan yang kuat dalam membuat sesuatu penghakiman dan keputusan berdasarkan nas-nas syara', hukum syara' dan akta, enakmen atau ordinan yang berbidangkuasa dalam sesuatu negeri. Manakala bagi hakim pula, mesti berpegang kepada tiga kaedah penting dalam penghakiman iaitu mengetahui dalil, sebab dan keterangan kerana tanpa ketiga-tiga kaedah tersebut menyebabkan proses penghakiman tidak mencapai kesempurnaan dan boleh terjadi kekhilafan dalam penghakiman. Dalam konteks mengetahui dalil adalah merujuk kepada nas syarie. Manakala mengetahui sebab pula merujuk kepada pengetahuan kaedah perkaitan antara dalil dan permasalahan atau kes. Seterusnya dalam kaedah keterangan pula sebagai penzahiran keadilan dalam proses perbicaraan.

## Konsep Jenayah Murtad

Murtad berasal daripada kalimah '*riḍḍah*', maksudnya kembali. Pengistilahan, murtad bermakna balik dari sesuatu kepada sesuatu. Ini merujuk kepada memutuskan pegangan beragama Islam kepada agama lain yang boleh berlaku sama ada dengan niat, tutur kata atau tindakan. Oleh itu, konsep murtad menjelaskan kepada seseorang itu balik kepada kekufuran setelah menerima Islam. Sandaran kalimah murtad ini dipetik daripada ayat al-Quran bermaksud orang yang kembali, firman Allah SWT:

يَوْمَ ادْخُلُوا الْأَرْضَ الْمُقَدَّسَةَ الَّتِي كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَرْتَدُّوا عَلَىٰ أَدْبَارِكُمْ فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ

Maksudnya : *(Nabi Musa menyeru umatnya): "Wahai kaumku, masuklah ke Tanah Suci (Palestin) yang telah diperintahkan oleh Allah untuk kamu (memasukinya); dan janganlah kamu berbalik undur ke belakang, (kalau kamu undur) maka kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi (di dunia dan di akhirat)"* (QS Al-Maidah: 21)

Oleh itu, di dalam perundangan jenayah Islam, murtad bermaksud keluar daripada Islam kerana terdapat dalil bagi kesalahan atau *'uqubah*, bahawa murtad bersandarkan al-Quran dan al-Sunnah, antaranya :

Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَمِثْلَ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya : *Sesesiapa dalam kalangan kamu yang murtad (menyeleweng) dari agamanya (agama Islam), kemudian, meninggal dunia dalam keadaan kufur, maka gugurlah amalan kebaikan mereka yang*

*diusahakan sama ada di dunia atau di akhirat dan mereka itulah adalah ahli neraka yang kekal didalamnya selama-lamanya. (QS al-Baqarah: 217)*

Manakala menurut hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : *Sesiapa berpaling (menyeleweng) daripada agamanya, maka bunuhlah dia.*(HR Bukhari :1362)

Oleh yang demikian, konsep murtad adalah memutuskan hubungan keislamannya sama ada melalui niat kufur atau tutur kata sehingga membawa kepada kekufuran ataupun melalui perbuatan sehingga membawa kepada kekufuran sama ada ia dilakukan secara gurauan, bantahan atau pun pegangan (Zulkifli Hasan 2013). Jelaslah bahawa konsep murtad apabila individu yang telah pasti keislamannya akan dianggap murtad apabila berniat untuk kufur atau mengeluarkan kata-kata sehingga membawa kepada kekufuran atau melalui sesuatu tindakan yang membawa kekufuran sama ada ia dilakukan secara gurauan, bantahan atau i`tiqad.

Justeru, jenayah murtad boleh disabitkan apabila terdapat elemen-elemen yang menjelaskan bahawa jenayah murtad berlaku dengan sempurna. Maka, terdapat dua elemen yang menjelaskan kesempurnaan jenayah murtad yang boleh disabitkan melalui dengan dua perkara iaitu :

### **i- Keluar daripada Islam**

Sesorang muslim dianggap terkeluar daripada Islam apabila berlaku dengan tiga cara sebagaimana berikut:

#### **(a) Murtad dengan tindakan atau meninggalkan perbuatan**

Murtad melalui cara ini adalah dengan sengaja melakukan perbuatan yang diharamkan dengan menolak pengharamannya, mempersendakannya atau menghinakannya atau menghalalkan yang diharamkan oleh syara' atau melakukan perbuatan yang tidak dapat ditafsirkan selain daripada murtad dengan menyembah berhala. Begitu juga, apabila seseorang itu sengaja meninggalkan apa yang diwajibkan oleh syara' dengan anggapan bahawa perbuatan itu bukan wajib atau menghalalkan perbuatan meninggalkan kewajipan itu seperti kewajipan solat, puasa dan zakat.

#### **(b) Murtad dengan perkataan**

Murtad melalui perkataan bermakna, menuturkan perkataan yang boleh membawa kepada kufur iaitu menuturkan perkataan yang membawa maksud seperti Allah tidak wujud, Allah tidak berkuasa, mengaku sebagai nabi, menerima pengakuan orang yang mengaku nabi, menolak kewujudan alam akhirat dan apa yang berlaku kelak, mengisytiharkan diri bukan Islam seperti menafikan kewujudan Allah dan sifat-sifat kesempurnaanNya dengan dengan perkataan, menafikan kerasulan Nabi Muhammad SAW dan sifat-sifat yang wajib baginya atau lainnya.

#### **(c) Murtad dengan keyakinan**

Murtad dengan keyakinan bermaksud menyakini sesuatu yang bertentangan dengan ajaran syariat Islam seperti yakin bahawa alam ini tiada penciptaanya, malah meyakini ia berlaku dengan proses evolusi, yakin bahawa al-Quran itu bukan kalamullah, Nabi Muhammad SAW seorang berdusta. Keyakinan ini perlu dibuktikan dengan perkataan atau perbuatan. Keyakinan tanpa penuturan atau perbuatan belum dapat seseorang itu disabitkan dengan murtad. Namun, keluar daripada Islam boleh berlaku apabila dilakukan oleh mukallaf (baligh, berakal, tidak gila dan bukan kanak-kanak). Begitu juga, orang dipaksa murtad sama ada dengan perbuatan atau perkataan tidak dianggap telah murtad. Maka, tidak boleh dikenakan hukuman murtad dengan perkataan dan perbuatannya itu.

### **ii- Niat jahat**

Berniat jahat dalam kes murtad bermaksud bahawa seseorang mestilah berniat dalam melaksanakan sesuatu yang menyebabkan murtad kerana bertekad (qasad) untuk keluar daripada Islam. Ini menjelaskan bahawa, melakukan perbuatan kufur atau menuturkan perkataan kufur dengan menyedari bahawa perbuatan atau perkataan itu membawa kepada kufur. Maka, setelah seseorang

itu mengetahui perbuatannya untuk mengeluarkannya daripada Islam dengan sengaja. Oleh yang demikian, apabila terdapat ke semua elemen tersebut barulah boleh dianggap murtad. Tindakan sengaja melakukan sesuatu perbuatan yang membawa kepada murtad tanpa niat untuk keluar daripada Islam tidak dikira murtad (Mohamad Ismail 2012).

### **Pandangan ulama terhadap hukuman murtad**

Pada asasnya, terdapat beberapa pandangan mengenai hukuman murtad dalam ajaran Islam sebagai jenayah hudud dengan hukuman bunuh pada asalnya, namun terdapat dua golongan yang berpendapat dalam hal ini iaitu:

#### **(a) Hukuman murtad sebagai jenayah hudud**

Mazhab Syafie, Maliki dan Hanbali berpandangan bahawa murtad termasuk dalam dosa-dosa besar yang tidak diampunkan oleh Allah SWT kecuali kembali bertaubat atas kelakuannya. Berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud : "...*Dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (Islam), lalu dia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya (selama-lamanya)*". (QS al-Baqarah ayat 217)

Kemudian dalil al-Quran tersebut diperkukuhkan lagi berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas daripada Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud : "*Barangsiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia.*" (HR Bukhari :1362).

Selain hadith tersebut, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "*Darah seseorang muslim tidak dihalalkan melainkan dengan salah satu puak daripada tiga puak iaitu orang yang telah berkahwin melakukan zina, tuntutan nyawa yang dibalas dengan nyawa (membunuh dengan sengaja) dan meninggalkan agama (Islam) berserta dengan jemaah orang Islam yang lain.*" (HR Bukhari: 6878 dan Muslim: 1676)

Berdasarkan nas syara` tersebut, majoriti fuqaha` menetapkan bahawa hadith tersebut adalah umum dalam menyatakan seseorang yang meninggalkan atau menukarkan agamanya hendaklah dibunuh. Menurut pandangan mereka, jika lihat daripada pelaksanaan hukuman murtad, sebelum penjenayah murtad dihukum bunuh, arahan bertaubat terlebih dahulu mesti diberikan terhadap pesalah yang disabitkan.

Ini berdasarkan pandangan Imam Malik yang diambil daripada riwayat Imam Syafie dan satu riwayat daripada Imam Ahmad mengatakan bahawa, penjenayah murtad diberikan tempoh selama tiga hari untuk bertaubat dan kembali kepada Islam. Sekiranya enggan dan tidak bertaubat barulah hukuman bunuh dilaksanakan (Alias Othman, 2011).

#### **(b) Tiada ketetapan bentuk hukuman murtad**

Ulama kontemporari yang terdiri daripada Muhammad Abduh, Ibrahim al Nakhai, Abdul al-Muta`ali al-Saidi, Mohamad Hashim Kamali dan lain-lain berpendapat, bahawa hukuman murtad tidak termasuk dalam hukuman jenayah hudud tetapi hukuman takzir. Pelopor golongan ini sependapat dengan pandangan Abdul al-Muta`ali al-Saidi iaitu kebebasan manusia dalam beragama mengikut pilihannya. Namun, faktor yang menyebabkan Rasulullah SAW menyatakan hukuman bunuh pada kesalahan murtad bukanlah kerana kemurtadan mereka tetapi disebabkan berlaku pemberontakan dalam menentang Islam. Oleh yang demikian, terdapat kritikan ulama terhadap kesahihan dan darjat hadith dari Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud "*Sesiapa yang menukar agamanya, maka hendaklah dibunuh*" (HR Bukhari :1362)

Berdasarkan hadith tersebut, terdapat kritikan dari sudut kesahihan dan kedudukan (darjat) hadith ini sebagai hadis ahad dan tidak kukuh untuk dijadikan hujah dalam mengeluarkan sesuatu hukum, ini kerana di dalam perbahasan ilmu usul fiqh telah menggariskan bahawa sesuatu *istibat* hukum menurut ilmu usul mestilah berdasarkan kepada hadith *mutawatir* (Alias Othman, 2011) .

Justeru, majoriti ulama tradisional (terdahulu) berpegang teguh bahawa murtad dikenakan hukuman bunuh kerana termasuk dalam jenayah hudud berdasarkan nas syara' yang dikemukakan. Manakala ulama kontemporari berpendapat hukuman murtad dikenakan dengan hukuman takzir kerana tiada ketetapan mengenai hukuman murtad secara muktamad.

### **Pandangan muktamad dalam acara keterangan**

Pembuktian (*ithbat*) dan keterangan (*bayyinah*) merupakan ikatan yang kukuh dalam menyelesaikan sesuatu kes di Mahkamah. Pembuktian adalah tindakan Plaintiff (*mudda`i*) mengemukakan hujah bagi mengesahkan kebenaran dakwaannya terhadap defendan (*mudda`a`alaih*). Dalil atau hujah yang dikemukakan oleh plaintiff kepada Mahkamah pula dikenali sebagai keterangan. Menurut bahasa, keterangan dalam bahasa arab bermakna *al-Bayyinah* iaitu jelas, terang dan nyata. Selain itu, *al-Bayyinah* juga memberi maksud dalil atau hujah (al-Fuyumi, 2000).

Walaupun terdapat perselisihan pandangan berkenaan keterangan. Namun, sesetengah ulama mengatakan keterangan ialah kesaksian, penyaksian, ilmu al-Qadi dan ikrar. Bahkan, ada yang berpendapat bahawa keterangan merupakan istilah yang merujuk apa-apa penjelasan dan penzahiran kebenaran. Namun, pandangan muktamad dalam perbincangan mengenai keterangan (*bayyinah*) adalah untuk menjelaskan dan menzahirkan kebenaran adalah lebih bertepatan kerana syara' meletakkan prinsip, mana-mana kaedah pembuktian yang dapat menzahirkan kebenaran dan menghapuskan kezaliman adalah diterima. Maka, matlamat murni syara' untuk menegakkan keadilan dan membasmi kezaliman tidak akan tercapai sekiranya pembuktian hanya berpaksikan kepada kesaksian semata-mata.

Oleh yang demikian, matlamat utama perundangan Islam adalah untuk melindungi hak manusia daripada sebarang pencerobohan. Demi menjaga kemaslahatan manusia, hujah *zanni* diterima (selain daripada kesaksian dan ikrar) yang kukuh ketika ketiadaan hujah *qat`i*. Dalam hal ini, pandangan Ibn Taimiyyah, Hanbali, Ibn Qayyum, Ibn Farhum Maliki, al-Tarabils, Hanafi, Sadiq bin Hassan Khan lebih muktamad dalam perbincangan mengenai keterangan menurut syarak (Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Zulfakar Ramlee 2021).

### **Peranan acara keterangan dalam mengawal jenayah murtad**

Acara keterangan berperanan sebagai mengawal jenayah murtad di negara kita di antaranya :

#### **i- Mengawal penyebaran agama selain Islam kepada muslim**

Di Malaysia, pengawalan kebebasan beragama yang dikenakan ke atas orang bukan Islam terutamanya dalam penerapan dan penyebaran agamanya. Maka, jaminan keharmonian umat Islam melalui Perlembagaan Persekutuan dalam Senarai II Jadual Kesembilan yang termaktub bahawa negeri-negeri berbidangkuasa bagi menguatkuasakan perundangan bagi mengawal penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam. Ini menunjukkan bahawa hak untuk menaikkan agama merupakan hak yang dapat diatasi dan dibendung oleh kuasa kerajaan negeri.

Oleh itu, kawalan mengembangkan agama selain Islam merupakan kegiatan penyebaran agama sehingga boleh menyebabkan berlaku perselisihan di antara penganut agama-agama dan implikasinya boleh menjejaskan ketenteraman awam, maka kuasa kerajaan untuk mengawal dan menangani permasalahan setempat. Misalnya, beberapa negeri yang telah menguatkuasakan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam seperti Kelantan, Negeri Sembilan, Kedah, Pahang, Melaka, Johor dan Perak.

Misalnya, di negeri Johor memperuntukkan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama-agama Bukan Islam (Johor) 1991 pada seksyen 4 dengan menetapkan bahawa individu boleh disabitkan kesalahan dengan cara pujukan, memaksa, menghasut dan mempengaruhi atau menjalankan kegiatan melalui persembahan hiburan yang mana kandungannya bermotifkan hasutan, memujuk seorang Islam lain agar menganut agama selain Islam atau meninggalkan agama Islam. Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tersebut di bawah seksyen 4 yang memperuntukan denda tidak melebihi daripada RM10,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi daripada empat tahun atau kedua-duanya sekali (Enakmen Kawalan & Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam, 2007).

Walau bagaimanapun, sehingga kini, di Malaysia kebanyakan negeri telah pun menggubal dan menguatkuasakan perundangan ini untuk mengawal penyebaran agama selain Islam dalam kalangan orang Islam. Tetapi, masih terdapat empat buah negeri yang belum berbuat demikian untuk melaksanakannya iaitu Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

## **ii- Memelihara kesucian agama Islam ( Hifzu Ad-Din )**

Dalam Islam, hukuman dalam perundangan Islam yang disyariatkan adalah berkonsepkan *maqasid syariah* sebagai memelihara nilai murni untuk melindungi kesucian agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Namun begitu, dalam konteks memelihara agama, sesuatu hukuman dalam jenayah Islam adalah berat kepada orang yang murtad demi memelihara kesucian agama dan tidak boleh dipermainkan dan mencemarkannya. Oleh yang demikian, penyediaan sesuatu kaedah dalam perundangan bukan bermaksud membuka ruang untuk keluar agama, tetapi prinsip tanggungjawab dalam menangani dan melicinkan pentadbiran negara dengan baik. Misalnya langkah yang telah diambil di Negeri Sembilan dengan mewujudkan kaedah bertaubat, kaunseling dan nasihat aqidah. Sebagaimana yang diperuntukkan mengikut Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003 (Pindaan 2009).

Berdasarkan kajian yang dilakukan di Negeri Sembilan, tempoh masa di antara 2003 hingga 2014, terdapat sebanyak 45 permohonan kes keluar agama Islam iaitu sebanyak 29 kes telah ditolak dan 16 kes diluluskan. Oleh itu, permohonan yang diluluskan selepas melalui kaedah yang ketat terlebih dahulu sebelum dikemukakan di Mahkamah Tinggi Syariah sehingga berpuas hati dengan segala laporan yang diberikan oleh Unit Runding Cara Aqidah, Jabatan Mufti dan keterangan pemohon.

Justeru, Mahkamah Syariah sering berdepan dengan permohonan keluar agama Islam atau permohonan menentusahkan status agama yang terdiri daripada beberapa golongan seperti saudara baru masuk Islam dengan sebab perkahwinan, kemudian berlaku penceraian dan ingin keluar agama Islam, Anak daripada ibu bapa Islam kemudian dibesarkan dalam keluarga orang bukan Islam, Ibu bapa bukan Islam tetapi individu tersebut adalah berstatus Islam menyebabkan kecelaruan identiti serta seseorang bukan Islam yang berstatus Islam.

Berdasarkan kepada golongan-golongan itu, Mahkamah Syariah berperanan dalam menangani kes tersebut dengan menyediakan kaedah tertentu sebagai pemudah cara dalam permohonan untuk keluar daripada agama Islam yang merupakan sebahagian daripada tadbir urus (siasah syariah). Maka, hal ini tidak bermakna membantu mereka untuk keluar agama Islam. Sebaliknya peranan kerajaan dalam melaksanakan tuntutan memelihara agama (hifz al-din) yang merupakan sebahagian maqasid syariah demi masalah umat Islam.

## **iii- Tiada hak harta pusaka**

Memandangkan orang yang murtad diqiaskan sebagai orang kafir, dari segi hukum kedudukannya lebih hina dan rendah daripada mereka yang berasal orang kafir. Maka, dengan sebab belaku murtad secara langsung ia akan kehilangan hak untuk menerima pusaka dari keluarganya dan sebaliknya. Ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan daripada Usamah bin Zaid RA bahwa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksudnya : *Seseorang individu muslim tidak boleh mewarisi daripada seorang kafir dan tidak mewarisi seorang kafir daripada seorang Muslim.* (HR Bukhari: 6764 dan Muslim: 1614)

Berdasarkan hadis tersebut, mazhab syafie menjadikan sandaran hujah bahawa perwarisan harta daripada orang bukan Islam kepada waris yang Islam adalah tidak dibolehkan. Manakala, orang muslim yang mewarisi harta daripada orang kafir terdapat perselisihan pandangan ulama. Sebahagian ulama membolehkan dan sebahagian lain tidak membolehkan. Namun, jika harta tersebut dihadiahkan sebagai pemberian atau wasiat. Maka dibenarkan mengambil harta pusaka tersebut (Umar Mukhtar Mohd Noor 2016).

## Aplikasi acara keterangan dalam perbicaraan jenayah murtad

### i- Kaedah Dakwaan Hisbah

Hakim berperanan dalam mendengar pertikaian yang berlaku di antara pihak-pihak dengan syarat setelah mereka mengemukakan dakwaan kepadanya, tujuannya adalah untuk mendapatkan penyelesaian sesuatu pertikaian tersebut. Maka, hakim akan mengamati dan mendengar sesuatu dakwaan berdasarkan kepada kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan tertentu seperti Prinsip-prinsip pendengaran dakwaan (Usul Istima' al-Da'wa). Oleh yang demikian, sesuatu dakwaan itu tidak disabitkan oleh hakim kecuali ia telah dibuktikan mengikut peraturan-peraturan yang sah pada pandangan syara'. Maka inilah dikatakan acara keterangan yang sering menggunakan istilah *Wasail ithbat al-da'wa*, *wasail al-tihbat* dan *turuq al-Ithbat*.

Di dalam kaedah dakwaan terdapat beberapa kategori dari sudut keabsahannya atau sebaliknya seperti dakwaan sah, dakwaan tidak sah (fasidah), dakwaan batal dan dakwaan *al-Hisbah*. Dalam konteks, jenayah murtad dikategorikan di dalam dakwaan *al-Hisbah* yang diharuskan walaupun tidak ada hak tertentu yang hendak dituntut oleh pihak pendakwa bagi dirinya kerana pengertian *hisbah* atas prinsip "*Amr bil ma'ruf wa nahyun 'an al-munkar*". ( Perintah melaksanakan kebaikan dan pencegahan kemungkaran). Justeru, *hisbah* adalah sebahagian daripada fardhu kifayah, malah kadangkala ia boleh menjadi fardhu ain ke atas orang tertentu, khususnya dalam keadaan tiada orang lain yang mampu untuk menjalankan dakwaan hisbah tersebut melainkan seseorang itu sahaja.

Memandangkan terdapat sebahagian besar daripada kes-kes dakwaan *hisbah* itu bersangkutan dengan hak-hak Allah SWT sahaja, sedangkan *hisbah* mesti disempurnakan dengan cara sepatutnya melainkan dengan sesuatu keputusan daripada hakim. Maka fuqaha' mengharuskan kepada *muhtasib* (yang melakukan hisbah) mengemukakan dakwaan hisbah kepada hakim dengan sifatnya sebagai seorang pendakwa dan serentak dengan itu juga dia sebagai seorang saksi. Ini kerana dia mendakwa sesuatu yang disaksikannya sendiri sedangkan dakwaan hisbah tidak akan sempurna tanpa saksi. Walau bagaimanapun, telah menjadi amalan para fuqaha' menggunakan istilah "*Syahid al-Hisbah* (saksi hisbah) dan bukannya pendakwa hisbah kepada mereka yang melakukan dakwaan hisbah itu di hadapan hakim. (Ibn 'Abidin). Justeru, jenayah murtad juga termasuk di dalam dakwaan *al-Hisbah* yang bersabit dengan hudud, selain daripada qazaf dan mencuri (Mohd Salleh 2014).

### ii- Bidang kuasa Mahkamah

Mahkamah syariah berbidang kuasa dalam menghakimi kesalahan keluar agama Islam dan mempunyai hukuman yang diperuntukkan dengan jelas di dalam kebanyakan akta atau enakmen atau ordinan pada pertadbiran agama Islam bagi negeri-negeri di Malaysia. Di Selangor misalnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003 telah memperuntukkan di bawah Seksyen 61(3)(b)(x) yang menetapkan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah Selangor terletak di bawah bidang kuasa Malnya iaitu mendengar dan memutuskan dalam semua tindakan yang berkaitan dengan pengisytiharaan seseorang itu bukan lagi penganut agama Islam.

Oleh yang demikian, kebanyakan kes keluar agama Islam yang dimuktamadkan adalah diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah berdasarkan bidangkuasa yang diperuntukkan mengikut perundangan. Begitu juga, mahkamah syariah berbidangkuasa dalam menentukan keabsahan seseorang memeluk agama Islam. Maka ini menjelaskan bahawa, mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa dalam memutuskan individu tersebut masih lagi beragama Islam ataupun telah keluar daripada agama Islam.

Justeru, pengamalan acara keterangan dalam perbicaraan kes jenayah murtad, misalnya Mahkamah Tinggi Syariah Kota Kinabalu, yang merujuk kepada kes Roslinda Mohd. Rafi lawan Ketua Pendaftar Muallaf, Sabah, yang mana seramai 19 pemohon telah meminta untuk keluar dari agama Islam dan menghapuskan perkataan Islam yang terdapat di dalam kad pengenalan mereka bagi mendapat kelulusan untuk berkahwin dengan pasangan bukan beragama Islam. Selain itu, pemohon-pemohon tersebut juga mengemukakan alasan agar mereka tidak mempamerkan sebagai individu yang kurang berakhlak oleh masyarakat kerana tidak mengamalkan ajaran Islam, sedangkan di dalam kad pengenalan masih berstatus Islam.

Namun, Mahkamah Tinggi Syariah menolak permohonan tersebut dengan alasan penghakiman bahawa mahkamah tidak berbidangkuasa yang nyata untuk memberi kebenaran kepada seseorang individu untuk keluar agama Islam. Akhirnya, mahkamah berpandangan bahawa pemohon tiada bukti dari segi perbuatan dan keterangan yang menunjukkan telah murtad. Penghakiman dalam kes ini adalah

berpandukan kepada seksyen 11 Enakmen Mahkamah Syariah Sabah 2004 yang berkuasa dalam memutuskan status seseorang berdasarkan perbuatannya sama ada telah bercanggah dengan aqidah Islam dan seterusnya mengisytiharkan seseorang itu sebagai murtad. Senario tersebut telah menunjukkan bahawa keputusan mahkamah adalah berdasarkan kepada peruntukkan perundangan yang berbidangkuasa, tertakluk kepada permohonan sama ada boleh diterima atau ditolak (Nor Ashikin Md Nasir & Siti Zubaidah Ismail 2018).

Jika kita melihat dalam perundangan, sebenarnya terdapat pelbagai undang-undang yang dikuatkuasakan seperti enakmen pentadbiran agama Islam dan enakmen kesalahan jenayah syariah bertujuan ke arah pencegahan keluar daripada agama Islam. Sebagaimana terdapat beberapa negeri yang memperuntukkan kesalahan percubaan untuk murtad, kesalahan menghina agama, kesalahan murtad untuk mengelakkan tindakan pihak berkuasa agama atau melakukan perbuatan atau menyebut perkataan yang boleh membawa makna kepada murtad.

Oleh itu, berdasarkan peruntukkan, sekiranya individu melakukan perbuatan tersebut boleh didakwa dan dikenakan hukuman yang setimpal sekiranya disabitkan. Namun, tidak semua negeri di Malaysia memperuntukkan mengenai kesalahan tersebut yang membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap individu yang melakukan perbuatan jenayah murtad tersebut. Selain peruntukan bagi kesalahan yang tersebut, mahkamah syariah juga berbidang kuasa menerima permohonan untuk membuat perisytiharan atau penentuan status agama seseorang yang beragama Islam sama ada ketika hidup atau semasa kematiannya (bagi sesetengah negeri). Oleh yang demikian, setiap peruntukan yang disediakan adalah bagi membuka ruang kepada orang Islam yang menghadapi permasalahan tertentu dalam mengemukakan permohonan kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk menentukan status agamanya.

### **iii- Kedudukan Saksi Mengemukakan Keterangan**

Dalam perundangan di Mahkamah terdapat Enakmen atau Akta atau Ordinan Keterangan Mahkamah Syariah mengikut bidang kuasa negeri. Misalnya kes Michiel Ur David & Yang Lain Lawan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang di Mahkamah Syariah Tinggi Kuantan yang mana hakim memutuskan pemelukan agama Islam pemohon tidak sah, kerana ia juga mesti berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi menjelaskan bahawa pemohon pertama selalu ke kuil untuk sembahyang dan membuat aktiviti perayaan dan keagamaan Hindu, tidak pernah sembahyang secara Islam dan makan makanan tidak halal. Keterangan saksi-saksi tersebut boleh diterima mahkamah sebagai *bayyinah* berdasarkan seksyen 83(2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) 2005 yang menyatakan: *Seseorang yang bukan Islam adalah berwibawa untuk memberlkan bayyinah untuk orang Islam jika keterangannya boleh diterima mengikut Hukum Syarak*

Oleh yang demikian, berdasarkan keterangan yang diberikan, maka mahkamah di dalam kes ini merumuskan fakta bahawa semua perkara yang dijelaskan oleh pemohon dan saksi-saksinya memberi gambaran yang menunjukkan pemohon tidak tahu tentang agama Islam dan tidak mengamalkan Islam sejak pemelukannya ke agama Islam sehinggalah kini. Malah pemohon tersebut sehingga perbicaraan tidak menukar kad pengenalan dengan nama Islamnya (Salehuddin Abd Manaf HMTS, 2018).

### **iii- Kaedah pembuktian**

Di dalam kaedah pembuktian, terdapat sembilan kaedah iaitu pengakuan, kesaksian, sumpah, keengganan bersumpah, pengetahuan hakim, keterangan keadaan, al-Qasamah, al-Qiyafah dan al-Qur'ah. Manakala kaedah sabitan hak termasuklah melalui kesaksian, sumpah dan keterangan keadaan. Namun, terdapat juga pengakuan murtad yang tidak didakwa di Mahkamah Syariah sebagaimana kes suami isteri iaitu Mohamad Ya dan Kamariah Ali beserta dua orang lelaki yang lain iaitu Daud Mamat dan Mat Yaakob Ismail yang telah mengemukakan rayuan *habeas corpus* agar mereka itu mendapat kebebasan daripada tahanan penjara di Pengkalan Chepa, Kelantan kerana mereka mendakwa tidak lagi menganut ajaran agama Islam.

Hal ini disebabkan terdapat pengakuan dengan kerelaan hati masing-masing yang dibuat oleh mereka telah keluar dari agama Islam pada bulan Ogos 1998 dinyatakan dalam surat akuan bersumpah di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 (Current Law Journal 2004). Oleh itu, kaedah pembuktian melalui akuan bersumpah yang dikemukakan ini kerana sumpah merupakan salah satu kaedah pembuktian disepakati oleh para ulama selepas iqrar dan syahadah.



## **Rumusan dan Cadangan**

Kesimpulannya, setiap kesalahan jenayah murtad sebenarnya boleh menghakis perpaduan manusia pada amnya dan penetapan setiap `uqubah terhadap penjenayah dapat mengembalikan keharmonian kepada masyarakat lain. Oleh itu, hukuman yang ditentukan itu adalah hak Allah SWT sebagaimana yang dibincangkan dalam undang-undang acara dan keterangan berkaitan jenayah murtad. Justeru, keterangan yang diterima dalam sesuatu penghakiman adalah untuk membuktikan setiap jenayah dapat diputuskan oleh Mahkamah kerana setiap jenayah yang terbabit akan melalui saluran undang-undang acara dan keterangannya yang berbeza antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan peruntukan undang-undang dan ketidaksegaman prosedur terutama dalam kesalahan keluar agama Islam dan hukuman dan prosedur permohonan pengisytiharan status agama. Sememangnya hukuman murtad berdasarkan hudud tidak dilaksanakan di Malaysia, tetapi penggunaan kesalahan keluar agama Islam digunakan kepada sesiapa yang menukar agamanya. Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan keluar agama Islam adalah dalam bentuk perintah untuk menjalani pemulihan aqidah dan kaunseling. Tetapi masih terdapat masalah dari aspek penguatkuasaan seperti menghantar ke pusat pemulihan aqidah. Oleh itu, penambahan pusat pemulihan aqidah di setiap negeri dan modul pelaksanaan pemulihan harus digubal oleh wakil dari semua pusat pemulihan aqidah ini. Manakala prosedur permohonan murtad tidak digunakan kerana mahkamah syariah tidak mengisytiharkan seseorang itu murtad, tetapi membuat perintah status agama seseorang. Maka mahkamah syariah memerlukan pandangan dari Jabatan Mufti untuk menentukan status agama seseorang, kerjasama dua badan ini amat perlu bagi memastikan isu keluar agama Islam ini dapat diselesaikan dengan baik. Dari aspek prosedur permohonan keluar agama juga melibatkan dua agensi iaitu mahkamah syariah dan JPN dan terdapat ketidakseragaman prosedur di antara negeri. Seharusnya kes seumpama ini wajar dimulakan dengan permohonan disokong oleh affidavit sepertimana yang diamalkan di Negeri Sembilan. Oleh itu, dicadangkan peruntukan prosedur ini diseragamkan di setiap negeri dan diwartakan di negeri yang belum mempunyai prosedur berkenaan. Justeru, pencemaran aqidah di Malaysia hendaklah diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak. Ini termasuk penambahbaikan peruntukan undang-undang sedia ada dan langkah-langkah pencegahan yang sepatutnya dilaksanakan dan dibincangkan dalam masyarakat awam dengan pendekatan yang lebih santai dan mudah difahami agar keindahan hukum Islam yang menjamin keharmonian dan kestabilan kehidupan manusia dalam masyarakat dapat dicapai.

## Rujukan

Al-Quran

Al-Hadith

Alias Othman. 2011. *Fiqh Jinayat*. Selangor Darul Ehsan: Open University Malaysia.

Current Law Journal. 2004. "Kamariah Ali & Yang Lain Lwn. Kerajaan Negeri Kelantan & Satu Lagi." *Current Law Journal (CLJ)* (3):411.

Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1991. 2007. "Enakmen Kawalan Dan Sekatan Pengembangan Agama-Agama Bukan Islam 1991 - Enakmen 12 Tahun 1991."

Dicapai pada 15 Januari, 2022

([http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State\\_Enact\\_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/ee5f64841b5e5f8a4825711600033dc0?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/ee5f64841b5e5f8a4825711600033dc0?OpenDocument)).

Mohamad Ismail, Mohamad Yunus. 2012. *Prinsip Fiqh Jinayat*. Selangor Darul Ehsan: Open University Malaysia.

Mohd Salleh, Ahmad. 2014. *Sistem Kehakiman Islam*. Selangor Darul Ehsan: Pustaka Haji Abdul Majid.

Nor Ashikin Md Nasir and Siti Zubaidah Ismail. 2018. "Amalan Mahkamah Syariah Mengisytiharkan Status Agama Dalam Kes Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan." *Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Universiti Malaya*.

Salehuddin Abd Manaf HMTS. 2018. "Michiel Ur David & Yang Lain Lwn. Majlis Ugama Islam & Adat Resam Melayu Pahang." *Current Law Journal (CLJ)* 18.

Umar Mukhtar Mohd Noor. 2016. "Mewarisi Harta Bukan Muslim." *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Dicapai pada 15 Januari, 2022 (<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1731-mewarisi-harta-bukan-muslim>).

Wan Abdul Fattah Wan Ismail and Zulfakar Ramlee. 2021. *Kaedah Pembuktian Melalui Al-Syahadah (Kesaksian) : Menurut Fiqh & Undang-Undang Keterangan Islam*. Negeri Sembilan Darul Khusus: Penerbit USIM Press, Institut Sains Islam.

Zulkifli Hasan, ed. 2013. *Hudud di Malaysia: Cabaran Pelaksanaan*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.